

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah nelayan dan peratusan yang telah mencarum PERKESO NELAYAN dan apakah syarat dan butiran program ini. Adakah program PERKESO ini akan diperluaskan ke sektor pertanian lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) oleh PERKESO merupakan salah satu inisiatif di bawah Skim Perlindungan Keselamatan Nelayan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017. Skim ini memberikan perlindungan kepada orang berinsuran bekerja sendiri daripada bencana pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan.

Syarat kelayakan bagi mencarum di bawah SKSPS ini ada dua (2) iaitu:

- a) Warganegara Malaysia/pemastautin tetap tanpa mengira had umur; dan
- b) Individu yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri untuk mencari nafkah.

Sehingga berakhir September 2021, sejumlah 35,238 orang nelayan aktif yang juga merupakan penerima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) telah mencarum di bawah SKSPS ini dengan nilai bayaran sejumlah RM5.5 juta. Skim ini adalah terbuka kepada semua golongan nelayan yang berdaftar. Bagi penerima ESHN, caruman akan dilaksanakan melalui pemotongan bayaran secara tahunan berjumlah RM157.20. Manakala bagi nelayan yang tidak menerima ESHN, mereka juga boleh membuat caruman sendiri secara sukarela ke Pejabat PERKESO.

Sekian, terima kasih